

Kian ramai penyelidik Islam di RSIS dalam kajian keselamatan

Oleh NUR'ADILAH MAHBOB
adilaham@sph.com.sg

KAJIAN-KAJIAN yang disumbangkan para penyelidik Islam di sini dalam pengajian keselamatan kini kian ketara dengan bertambahnya bilangan mereka di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS) sejak beberapa tahun lalu.

Bahkan, penyelidikan yang mereka lakukan khususnya dalam bidang penganasan telah mendapat perhatian di peringkat antarabangsa dengan mutu kajian turut meningkat.

Dekan RSIS, Encik Barry Desker, berkata institutnya, yang merupakan sebahagian daripada Universiti Teknologi Nanyang (NTU), kini mempunyai seramai 27 penyelidik Islam – 16 warga Singapura dan 11 warga asing.

Lebih separuh daripada warga Singapura itu, atau sembilan orang, merupakan kakitangan Pusat Antarabangsa bagi Penyelidikan Keganasan Politik dan Penganasan (ICPVTR).

Baki tujuh yang lain pula bertugas dalam pusat-pusat atau program RSIS lain, seperti Program Islam Kontemporari (CIP), program RSIS, Pusat Kecemerlangan bagi Keselamatan Negara (CENS), Pusat Pengajian Keselamatan Bukan Tradisional (NTS), Pejabat Dekan Madya, dan

Program Malaysia.

Daripada 16 warga Singapura itu juga, lapan mempunyai latar belakang pendidikan agama atau berkelulusan ijazah pengajian Islam.

Lapan daripada 11 penyelidik Islam warga asing pula bertugas dalam kajian penganasan di ICPTVR, dengan baki tiga yang lain bekerja dalam NTS, Program Pengajian Tentera, dan Program Indonesia.

RSIS, yang memberi tumpuan kepada pengajian keselamatan dan ehwal antarabangsa, telah dirasmikan pada 2007.

Encik Desker berkata, jumlah penyelidik Islam yang meningkat itu merupakan trend 'secara semula jadinya', sedang RSIS berkembang sebagai sebuah institusi.

▶ Laporan lain 6

"Kami rekrut berdasarkan merit, pendidikan dan kerelevanan penyelidikan dan ramai penyelidik Islam telah didapati sesuai bagi jawatan mereka," kata Encik Desker.

Bahkan, mutu dan nilai kajian mereka telah meningkat dengan adanya penyelidik daripada masyarakat Islam setempat khususnya bagi pusat-pusat seperti ICPVTR dan Program Malaysia, katanya.

Penyelidik Islam Singapura juga telah 'menambah nilai' dalam kajian



SUMBANG KEPAKARAN: Lebih ramai individu Melayu/Islam, seperti Cik Sofiah Suaad Mohd Jamil (kiri) dan Ustazah Nur Irfani Saripi, melakukan kajian dalam penyelidikan keselamatan di pusat pengajian seperti di RSIS, NTU. – Foto KHALID BABA

tentang ehwal masyarakat dan usaha mendekati mereka di sini dan di rantau ini.

Ini ditambah dengan adanya penyelidik Islam yang berpendidikan pengajian Islam dari universiti-universiti seperti Universiti Al-Azhar di Mesir.

"Sumbangan kakitangan Islam dalam ICPVTR dalam memahami dan bertindak terhadap ancaman ideologi ekstremis dan penganasan adalah amat besar. Dedikasi dan iltizam mereka untuk mempromosikan

kesederhanaan, toleransi di Singapura dan di rantau ini juga telah menerima pujian tinggi," katanya.

Kebanyakan penyelidik Islam RSIS juga memiliki sekurang-kurangnya ijazah Sarjana, dengan beberapa orang pula sedang menjalani kursus tersebut atau sedang mengikuti pengajian peringkat doktor falsafah (PhD).

Salah seorang daripada mereka ialah Ustaz Mohamed Ali, yang kini sedang menghabiskan pengajian PhD-nya di Universiti Exeter, Eng-

land.

Beliau menyertai RSIS, atau waktu itu dikenali sebagai IDSS, pada 2004

"Harapan saya ialah semoga ilmu yang saya pelajari daripada pengajian saya... dapat memberikan sumbangan kepada masyarakat terutama sekali membantu mereka yang terpesong dengan fahaman Islam radikal, meluaskan landskap dakwah Islam di Singapura serta menyumbang kepada kestabilan dan keharmonian negara," kata Ustaz Mohamed.

Lebih ramai penyelidik Islam kini menyumbang kepakaran mereka dalam pengajian keselamatan di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS) dalam pelbagai pengajian, termasuk antipenggunaan dan perubahan iklim. Sebilangan besar juga terdiri daripada golongan asatizah. Ikuti laporan **NUR'ADILAH MAHBOB** (adilaham@sph.com.sg) yang telah mewawancarai dua penyelidik muda RSIS.

Ingin sedarkan umat Islam pentingnya isu alam sekitar

Penyelidik RSIS rasakan isu belum diketengahkan sedang ia jejas kehidupan

MASIH ramai anggota masyarakat Islam Singapura dan antarabangsa yang belum sedar kesan isu alam sekitar yang boleh menjejaskan mereka.

Justeru, sebagai penyelidik, Cik Sofiah Suaad Mohamed Jamil berhasrat meningkatkan kesedaran itu kerana perubahan iklim boleh menjejaskan ramai orang.

"Isu ini belum cukup diketengahkan dalam Dunia Islam... padahal Dunia Islam itu sendiri mempunyai mangsa-mangsa dan penyumbang kepada perubahan iklim," kata Cik Sofiah dalam satu wawancara bersama *Berita Harian* menerusi e-mel baru-baru ini.

Beliau antara 27 penyelidik Melayu/Islam yang kini bertugas di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Bermula di RSIS pada 2006 sebagai Juruanalisis Penyelidikan, Cik Sofiah kini Zamil Penyelidik Madya RSIS dan pernah disenaraikan oleh *BH* sebagai antara 50 individu Melayu/Islam yang boleh mewarnai tahun ini.

Beliau juga mempunyai Ijazah Sarjana Sains bidang Perhubungan Antarabangsa daripada RSIS dan kini beliau berhasrat menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah.

Penyelidikan Cik Sofiah tertumpu kepada penglibatan Dunia Islam dalam isu alam sekitar, termasuk usaha dan peranan negara dunia dan masyarakat Islam menangani cabaran tersebut.

Memberi contoh, beliau berkata negara-negara Islam seperti Bangladesh dan negara-negara di Afrika boleh terjejas dengan perubahan iklim.

Namun, Dunia Islam juga tidak terkecuali daripada menyumbang kepada perubahan iklim, termasuk negara-negara Teluk di Timur Tengah, yang mempunyai keluaran karbon per kapita yang tinggi.

Indonesia juga antara pengeluar karbon tertinggi jika diambil kira pembasman hutan di negara itu, kata Cik Sofiah.

Menerusi kajiannya, beliau menyarankan huraian-huraian bagi menangani masalah perubahan iklim di negara-negara Islam.

"Agama Islam sendiri mempunyai prinsip asas yang menggalak penganutnya menjadi (warga dunia) yang mesra alam tetapi mengapa ini masih belum dibincangkan secukupnya?" tanya Cik Sofiah.

Beliau berkata, isu-isu alam sekitar juga boleh menjadi antara topik perbincangan dalam dialog antara agama.

"Ia merangsang manusia daripada pelbagai latar belakang untuk bekerjasama demi memelihara alam sekitar yang dikongsi sama," ujar beliau.

Ditanya cabaran bagi bidang itu, Cik Sofiah berkata: "Cabaran terbesar adalah dalam meningkatkan kesedaran bahawa isu-isu perubahan alam sekitar juga berkaitan dengan aspek kehidupan harian."

KAJI KESAN PERUBAHAN IKLIM: Cik Sofiah Suaad Mohamed Jamil merasakan bahawa isu alam sekitar termasuk perubahan iklim kurang dibincangkan di kalangan masyarakat dan negara-negara Islam. - Foto KHALID BABA



INGIN BASMI PENGGANASAN: Lulusan Universiti Al-Azhar di Mesir, Ustazah Nur Irfani Saripi, kini mengambil ijazah sarjana dalam bidang pengajian strategik di samping menyelidik tentang penggunaan di RSIS.

Anak ustaz memanfaatkan didikan agama kaji ancaman pengganasan

BELIAU memanfaatkan pendidikan agamanya untuk mengkaji tentang ancaman pengganasan dan usaha mengembalikan mereka ke pangkal jalan.

Demikian sumbangan Ustazah Nur Irfani Saripi, 26 tahun, yang dicurahkan beliau di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Bekas pelajar Madrasah Alsagoff Al-Arabiah itu mempunyai diploma dalam Syariah Islam daripada Kolej Universiti Islam Selangor Darul Ehsan (Kuis) dan ijazah bidang yang sama daripada Universiti Al-Azhar di Mesir.

Ustazah Irfani kini bertugas sebagai Juruanalisis Penyelidik di Pusat Antarabangsa bagi Keganasan Politik dan Penyelidikan Pengganasan (ICPVTR) RSIS sejak awal 2009.

Kini beliau mengambil ijazah sarjana dalam bidang pengajian strategik sebagai pelajar separuh masa sekolah RSIS.

Dalam wawancara bersama *Berita Harian* menerusi e-mel, Ustazah Irfani berkata beliau menjalankan kajian tentang usaha pemulihan yang dijalankan kepada pengganasan, terutama yang mempunyai motivasi agama.

"Terdapat kesedaran yang meningkat di kala-

ngan negara-negara yang digemparkan dengan fenomena pengganasan tentang pentingnya memulihkan mereka yang terjejas oleh ideologi melampau dan menyepadukan mereka kembali ke pangkuan masyarakat," kata Ustazah Irfani.

Menurutnya, selain Singapura, yang mempunyai Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG), beberapa negara lain mempunyai program sendiri, seperti Arab Saudi dan Malaysia.

"Setiap program pemulihan unik - tiada dua negara mengamalkan program yang sama. Namun, setiap program mempunyai elemen sama: campur tangan keagamaan," kata Ustazah Irfani.

Beliau menambah, pertubuhan pengganasan melihat agama sebagai pendorong tindakan mereka.

"Justeru, asatizah aliran utama harus memahami jenis-jenis wacana yang dipergunakan pengganasan, sekali gus dapat membantu melakar strategi dalam membasmi ideologi-ideologi tersebut," ujarnya.

Selain kerja-kerja penyelidikan, Ustazah Irfani terlibat dalam memberi ceramah dan taklimat di luar dan dalam negara untuk memupuk kesedaran mengenai ideologi pelampau dan pentingnya mengadakan pemulihan keagamaan.

Lima penyelidik Melayu/Islam di RSIS bekas pelajar Al-Azhar

LIMA daripada 16 penyelidik Melayu/Islam Singapura di Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS) ialah bekas pelajar Universiti Al-Azhar di Mesir.

Mereka ialah Ustaz Afif Pasuni, Ustazah Nur Irfani Saripi, Ustazah Nur Aziemah Azman dan Ustaz Mohamed Ali - kesemuanya bertugas di Pusat Antarabangsa bagi Keganasan Politik dan Penyelidikan Pengganasan (ICPVTR).

Ustaz Mohd Redzuan Salleh pula bertugas dalam Program Malaysia. Tiga daripada mereka juga merupakan anak asatizah mapan setempat.

Ustaz Afif ialah anak Ustaz Pasuni Maulan, mantan Pendaftar Pejabat Pendaftaran Pernikahan Orang Islam (ROMM).

Ustazah Irfani pula anak perempuan

pendakwah bebas, Ustaz Sariapi Rawi, sementara Ustaz Mohamed anak Ustaz Ali Mohamed, Pengerusi Masjid Khadijah yang juga Pengerusi bersama Kumpulan Pemulihan Keagamaan (RRG).

Tiga lagi penyelidik RSIS di ICPVTR turut memiliki latar belakang pendidikan agama.

Mereka ialah Ustaz Muhammad Haniff Hassan, Ustaz Mohamed Feisal Mohamed Hassan dan Ustaz Zulkifli Mohamed Sultan.

Ustaz Haniff mendapat Ijazah Sarjana Muda daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Ijazah Sarjana daripada RSIS dan kini merupakan calon doktor falsafah (PhD) RSIS.

Ustaz Feisal pula daripada Universiti Islam Antarabangsa (UIA), manakala Ustaz Zulkifli daripada Institut Bashar Al-Assad Tahfiz di Syria.